

Najib: Malaysia Kenal Pasti Bidang Strategik Erat Hubungan Dengan Amerika Syarikat Bernama
29 Sept, 2013
Daripada Khairdzir Md Yunus

NEW YORK, 29 Sept (Bernama) - Malaysia telah mengenal pasti beberapa bidang strategik dan pelaburan yang perlu dipereratkan lagi kolaborasinya dengan Amerika Syarikat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata Malaysia perlu menambah pengetahuan mendalam dalam bidang berkenaan untuk membantu memperkasakan lagi usaha dan proses ke arah mencapai impian Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang media sebelum mengakhiri lawatan kerja beliau ke San Francisco dan New York dari 22 hingga 29 Sept yang disifatkannya sebagai lawatan yang membawa banyak tujuan dan maksud.

Katanya lawatan bertujuan supaya langkah yang diambil Malaysia di peringkat global dapat dipadankan dengan matlamat induk negara untuk melakukan transformasi terhadap Malaysia.

Antara bidang strategik itu ialah teknologi maklumat (IT), bioteknologi dan peranan sains dan teknologi yang boleh digunakan oleh Malaysia untuk mempertingkatkan lagi pengetahuan dan pembelajaran sains dan teknologi.

"Begitu juga dalam proses inovasi, bagaimana kita boleh ke arah untuk mewujudkan Malaysia sebagai sebuah 'knowledge economy' semestinya bergantung kepada kemampuan kita untuk melakukan inovasi," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata dalam lawatan kali ini, beliau juga memberi galakan kepada syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat untuk mempertingkatkan pelaburan mereka di Malaysia bukan sahaja sahaja dari segi kuantitinya tetapi juga dari segi penerapan teknologi baharu.

Mengenai ucapannya pada Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-68 Sabtu yang menggesa masyarakat antarabangsa supaya bersatu menentang puak pelampau yang menggunakan alasan agama untuk melakukan keganasan, Perdana Menteri berkata ucapannya itu meliputi ruang lingkup yang lebih luas.

Katanya ia bukan sahaja dari sudut Malaysia dan kepentingannya tetapi apakah sumbangan Malaysia ke arah usaha untuk memberi sumbangan kepada kedamaian dan kemajuan dunia dan penyelesaian kepada permasalahan dan konflik yang sedang melanda beberapa buah negara, terutama negara Islam.

"Kini kita lihat permasalahan yang begitu mencabar kepada negara-negara Islam dan dunia Islam. Oleh kerana itu amat penting sekali pemimpin negara-negara Islam memberi sumbangan mereka dan menyatakan pendirian mereka apakah yang perlu dilakukan untuk mencari punca-punca yang boleh membawa penyelesaian kepada permasalahan dan konflik dalam dunia Islam," katanya yang turut menggesa masyarakat antarabangsa membantu menyelesaikan secara adil konflik di Syria dan Palestin.

Ditanya tentang sambutan pemimpin lain terhadap gesaan beliau pada persidangan itu, Najib berkata selepas menyampaikan ucapannya, ramai daripada mereka berjabat tangan dengannya untuk menyampaikan ucapan tahniah.

"Alhamdulillah, sambutan terhadap ucapan tersebut sebab ia tidak membatasi kepada soal dalam Malaysia sahaja tetapi memberi beberapa pandangan dan idea dan sumbangan dalam konteks yang lebih luas lagi mengenai masalah dunia dan masalah dunia Islam," kata beliau.

Ditanya mengenai siri perjumpaan beliau dengan komuniti pelabur, pedagang, ahli korporat dan ahli sains Amerika di San Francisco dan New York, Najib berkata penjelasan beliau kepada mereka mengenai usaha transformasi yang dilakukan oleh Malaysia juga mendapat sambutan amat menggalakkan.

"Ada antara mereka yang bisik kepada saya, teruskan apa yang telah dan sedang dilakukan kerana mereka yakin pelan dan agenda transformasi dibuat kerajaan Malaysia itu amat baik dan amat sesuai bukan sahaja dari sudut kepentingan Malaysia.

"Kerana kita bersikap untuk membawa masuk pelabur dari luar, mereka juga boleh melibatkan diri memainkan peranan melibatkan diri dalam proses transformasi Malaysia dan peluang untuk mereka itu adalah semakin luas oleh kerana kita mempunyai perancangan yang begitu besar dan bersifat terbuka dan global," katanya.

Ditanya tentang tempoh lawatan yang panjang, Najib berkata itu disebabkan ia merangkumi pelbagai inisiatif, termasuk Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC), IT, bioteknologi, UNGA dan pelaburan di pantai barat dan pantai timur Amerika yang sudah tentu mengambil masa panjang disebabkan jaraknya dan lawatan itu yang sepatutnya diadakan dua kali telah digabungkan agar menjadi hanya satu lawatan.

Beliau berkata lawatan itu turut menjadi 'pembuka mata' kepada beliau, bukan sahaja dari aspek 'perkakasan' tetapi juga aspek 'perisian', iaitu aspek budaya tentang bagaimana sesuatu perkara itu digabungkan bersama, dan mewujudkan hubungan antara perseorangan dengan komuniti IT, bersama pelabur dan komuniti saintifik di Amerika.

"Saya telah mewujudkan banyak hubungan peribadi dengan begitu banyak tokoh penting dan saya fikir hubungan ini semestinya akan memberi manfaat kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut menganjurkan majlis makan malam untuk penuntut dan rakyat Malaysia di New York di Dewan Bankuet Perwakilan Tetap Malaysia di sini.

Dalam perjumpaan itu, Najib menjelaskan bahawa tujuan lawatannya ke syarikat media sosial Facebook, Google dan Twitter adalah untuk mempertingkatkan kemajuan bidang inovasi dan teknologi maklumat (IT) di Malaysia.

"Saya bertemu para pemimpin syarikat ini untuk mewujudkan satu hubungan peribadi, jadi kita wujudkan hubungan dengan negara lain, dengan korporat Amerika, supaya Malaysia dapat menjadi peserta utama.

"Sebagai contoh sektor IT, kita tidak mahu hanya menjadi pengguna sahaja, kita mahu menjadi pengeluar, penciptanya dan secara ringkas peserta utamanya. Sebab itulah kami bangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya dan tempat lain. Kami mahu mengubah kehidupan di Malaysia, dan agenda Digital Malaysia mencapai kejayaan.

"Kami mahu Cyberjaya pergi ke Silicon Valley atau Silicon Valley datang ke Cyberjaya dan syarikat Malaysia boleh memperoleh syarikat Silicon Valley," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan isteri, dan Wakil Khas Malaysia ke Amerika Syarikat Datuk Seri Jamaludin Jarjis.

Perdana Menteri dan isteri dijadual berlepas pulang ke tanah air Ahad (29 Sept).

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=981532>